

## *Anjing dengan Ayam Jantan*

Pada suatu hari, anjing dan ayam jantan pergi berjalan-jalan di dalam **hutan**. Mereka berjalan-jalan hingga **senja**. Kemudian, mereka mencari tempat untuk tidur.

Anjing tidur di pangkal pokok yang besar. Ayam jantan tidur diatas dahan pokok yang tinggi. Apabila matahari naik pada keesokan paginya, ayam jantan berkokok, "Kuk-kerek-kok, kuk-kerek-kok."

Kokokan ayam jantan menyebabkan rubah **terjaga**. Ia terus pergi ke tempat datangnya kokokan ayam jantan itu untuk makan ayam jantan itu! Apabila mendapati ayam jantan ada di dahan yang tinggi, ia mendapat **akal**.

Rubah bercakap dengan **lembut** dengan ayam jantan, "Turunlah, ayam jantan. Mari kita bersahabat."

Ayam jantan menjawab, "Saya akan turun. Tetapi sebelum itu kejutkan kawanku di pangkal pokok."

Rubah buat sebagaimana disuruh ayam jantan. Anjing sangat marah kerana dikejutkan daripada tidur. Ia menyalak pada rubah. Rubah sangat takut, menyebabkan ia lari dari situ.

